

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NASIONAL

'Hanya perlu ke klinik, hospital kerajaan'

Kuala Lumpur: Tiada keperluan untuk melaksanakan 'Farmasi Rahmah' seperti yang dicadangkan Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) untuk mendapatkan ubat dengan harga yang rendah.

Ini kerana, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata produk perubatan dengan harga yang rendah itu boleh didapati di klinik dan hospital kerajaan yang sudah dilaksanakan sejak sekian lama.

"Tidak perlu samakan makanan dengan ubat-ubatan. Sehingga kini rakyat hanya perlu membayar RM1 untuk mendapatkan rawatan dan ubat di klinik kesihatan kerajaan," katanya kepada *BH*, semalam.

Kerajaan sebelum ini melancarkan inisiatif Menu Rahmah membabitkan 15,000 premis menjual hidangan pada harga RM5 untuk membantu golongan berpendapatan rendah.

Berikutan itu, Presiden MPS, Amfrahi Buang mencadangkan



Keratan akhbar *BH* semalam.

kepada kerajaan supaya konsep yang sama diperluaskan kepada ubat-ubatan bagi membantu rakyat memperoleh produk berkenaan pada harga lebih rendah.

Amrahi memaklumkan peningkatan harga ubat-ubatan itu tidak dapat dihalang atau ditentukan pihaknya kerana ia berdasarkan penerimaan pembekal serta farmasi komuniti terbabit.

Bagaimanapun, Amrahi menyatakan peningkatan harga ubatan itu bukanlah satu perkara baharu kerana ia berpunca daripada tukaran mata wang asing, kos pembungkusan dan logistik.



Dr Zaliha menyempurnakan simbolik penyerahan sumbangan bantuan ubat-ubatan kepada Kuasa Usaha Kedutaan Ukraine di Malaysia, Denys Mykhailiuk di Kuala Lumpur. (Foto ihsan KKM)

Malaysia sumbang ubat bernilai RM227,984 kepada Ukraine

Putrajaya: Kerajaan Malaysia, semalam memberi bantuan perubatan berbentuk ubat-ubatan bernilai RM227,984 kepada kerajaan Ukraine.

Ubat berkenaan adalah Levot-hydroxine Sodium 100 mikrogram (mcg) dalam bentuk tablet, Fentanyl Citrate 50 mcg/mililiter (ml) dalam suntikan dua ml, Amikacin 250 miligram (mg)/ml dalam suntikan dua ml dan suntikan Propofol 10 mg/ml.

Bantuan itu disampaikan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa kepada Kuasa Usaha Kedutaan Ukraine di Malaysia, Denys Mykhailiuk.

Dr Zaliha ketika berucap pada majlis simbolik penyerahan bantuan berkenaan di pejabat Kementerian Kesihatan (KKM), di

sini berkata, majlis itu adalah contoh terbaik pakatan strategik yang mempamerkan nilai kemanusiaan hebat dan matlamat bersama untuk keamanan serta keselamatan global.

"Dengan laporan berjuta-juta rakyat Ukraine meninggalkan rumah dan ramai yang menyeberangi sempadan ke negara jiran, tuntutan kepada nilai kemanusiaan yang tercetus daripada situasi kecemasan ini memerlukan tindakan segera bagi memastikan akses tanpa halangan kepada ubat-ubatan penting," katanya.

Beliau berharap kerjasama dengan kerajaan Ukraine dapat ditingkatkan pada masa akan datang, terutama dalam bidang penjagaan kesihatan.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

Ubat veterinar ada Polymyxin E dibatal

KKM kesan produk berpotensi disalah guna dalam makanan haiwan

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) membatalkan pendaftaran produk ubat veterinar berdaftar yang mengandungi Polymyxin E (Colistin) berkuat kuasa serta-merta.

Ini berikutan, ia berpotensi untuk disalah guna dalam makanan haiwan sebagai agen penggalak dan jika digunakan secara berleluasa boleh menyumbang kepada kerintangan antimikrobial.

Ketua Pengarah KKM, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pengilangan, pengimportan dan pembekalan produk juga tidak dibenarkan serta-merta.

Katanya, bagi pemegang pendaftaran produk pula, mereka dibenarkan untuk menghabiskan stok sedia ada di pasaran dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat pembatalan produk.

"KKM juga akan melakukan penyenaraian semua polymyxins sebagai bahan terlarang dalam semua produk ubat veterinar untuk semua spesies sasaran kecuali produk ubat veterinar yang mengandungi Polymyxin B dalam bentuk sediaan topikal.

"Selain itu, KKM menolak permohonan pendaftaran baharu dan tidak mempertimbangkan permohonan pendaftaran semula produk ubat veterinar yang mengandungi Polymyxin (kecuali Polymyxin B dalam bentuk sediaan topikal) berkuat kuasa serta-merta," katanya dalam satu kenya-

taan media, di sini, semalam.

Keputusan itu dicapai ketika Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-381 pada 2 Februari lalu.

Tak terpakai Polymyxin B

Dr Noor Hisham berkata, bagaimanapun keputusan di atas adalah tidak terpakai untuk produk ubat veterinar yang mengandungi Polymyxin B dalam bentuk sediaan topikal.

"Pendaftaran produk ubat veterinar sedia ada yang mengandungi Polymyxin B dalam bentuk sediaan topikal adalah dikekalkan.

"KKM melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) sentiasa memastikan semua produk farmaseutikal termasuk ubat veterinar yang dibekalkan di Malaysia dinilai dari aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan," katanya.



Dr Noor Hisham

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

Sumbang bantuan perubatan ke Ukraine

Putrajaya: Kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Kesihatan (KKM) menyumbang bantuan perubatan bernilai RM227,984 kepada kerajaan Ukraine.

Bantuan membolehkan pemberian ubat Levothyroxine Sodium 100 mcg dalam bentuk tablet, Fentanyl Citrate 50 mcg/millilitre (ml) dalam bentuk suntikan, Amikacin 250 mg/ml dalam bentuk suntikan, dan suntikan Propofol 10 mg/ml.

Sumbangan itu disampaikan Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa kepada Kuasa Usaha Kedutaan Ukraine di Malaysia Denys Mykhailiuk.

Di samping itu, Dr Zaliha dalam ucapannya pada majlis simbolik penyerahan bantuan berkenaan di pejabat Kementerian Kesihatan di sini berkata, ma-

jlis itu adalah contoh terbaik pakatan strategik yang mempamerkan nilai kemanusiaan hebat dan matlamat bersama untuk keamanan serta keselamatan global.

"Dengan laporan berjuta-juta rakyat Ukraine telah meninggalkan rumah mereka dan ramai yang menyeberangi sempadan ke negara jiran, tuntutan kepada nilai kemanusiaan yang tercetus daripada situasi kecemasan ini memerlukan tindakan segera bagi memastikan akses tanpa halangan kepada ubat-ubatan penting," katanya.

Beliau berharap kerjasama dengan kerajaan Ukraine pada masa akan datang dapat ditingkatkan terutama dalam bidang penjagaan kesihatan. - Bernama.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

Pertemuan berkala bagi atasi masalah di fasiliti kesihatan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengadakan pertemuan berkala dengan pengarah-pengarah hospital dan pihak berkepentingan bagi mengenal pasti punca pelbagai isu yang berlaku di fasiliti kesihatan serta mencari penyelesaiannya, kata Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.



DR ZALIHA

Beliau berkata, KKM juga ketika ini sedang menunggu maklum balas berhubung keberkesanan pelaksanaan beberapa langkah yang dirangka bagi mengatasi masalah di fasiliti berkenaan, contohnya kesesakan di Jabatan Kecemasan.

"Antara perkara pertama kita (KKM) nak buat ialah audit dan kita juga nak melihat keberkesanan beberapa perkara yang telah kita laksanakan contohnya waktu standard klinik kesihatan.

"Terbaru contohnya di Hospital Klang (Hospital Tengku Ampuan Rahimah) mereka memastikan yang hadir ke Jabatan Kecemasan hanya pesakit yang betul-betul mengalami kecemasan (sementara) kes bukan kritikal disalurkan kepada klinik.

"Itu langkah yang mereka rasa ter-

baik untuk fasiliti mereka dan ini harus dibuat pertemuan berkala, pemantauan, kemudian tengok kesannya," katanya dalam temu bual bersama media di sini pada Selasa.

Dr Zaliha berkata, KKM juga telah menghantar beberapa pegawainya untuk turun ke lapangan bagi mengenal pasti situasi sebenar yang berlaku di hospital dan klinik kesihatan.

"Semua ini (maklum balas) akan dikumpulkan dan kita akan lihat apakah cara yang terbaik untuk mengatasi masalah berkaitan," ujarnya.

Dr Zaliha dalam ciapan di Twitter pada Isnin berkata, KKM akan terus mendengar dan berusaha mengenal pasti penyelesaian bagi isu-isu melibatkan jabatan kecemasan di hospital. - *Bernama*

“

Semua ini (maklum balas) akan dikumpulkan dan kita akan lihat apakah cara yang terbaik untuk mengatasi masalah berkaitan.”

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

'Polymyxins prohibited in veterinary medicines'

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has agreed to the listing of all polymyxins as prohibited substances in all veterinary medicines for all target species, except for veterinary medicines containing Polymyxin B in topical preparation forms.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the decision was made at the 381st Drug Control Authority (DCA) Meeting on Feb 2 as a step to reduce the risk of antimicrobial resistance (AMR) to polymyxins.

"Polymyxin, especially Polymyxin E (Colistin), has the potential to be misused in animal feed as a growth promoter agent.

"The widespread use of Polymyxin E (Colistin) can contribute to AMR," he said in a statement here yesterday, according to Bernama.

As such, he said, the meeting also agreed that the cancellation of registration of registered veterinary medicines containing Polymyxin E (Colistin) would take effect immediately.

Dr Noor Hisham said manufacturing, importing and supplying of the product are also prohibited with immediate effect, while product registration holders are allowed to use up existing stock in the market within three months from the date of the product cancellation letter.

"The DCA Meeting also agreed with the decision not to consider re-registration applications."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

Thalassaemia on the decline

More screening and awareness campaigns led to reduction

By MENG YEW CHOONG
ymeng@thestar.com.my

PETALING JAYA: The incidence of thalassaemia in Malaysia is on the decline due to more screening and awareness campaigns.

With one in 20 individuals being a carrier of thalassaemia here, screening pregnant women or their newborns has proven to be an invaluable tool in reducing the prevalence of this condition that seems to affect Sabahans more than others, said Prof Dr Zulfalil Alwi, who is with Universiti Sains Malaysia's Health Campus.

Thalassaemia is an inherited condition that causes haemoglobin levels to drop. Those with thalassaemia produce either no or too little haemoglobin, which is used by red blood cells to transport oxygen.

Affecting mainly those of Mediterranean, south Asian, South-East Asian, and Middle Eastern origins, thalassaemia can make one very anaemic and short of breath.

In newborns, thalassaemia is often detected during pregnancy or soon after birth, while blood tests can also be done at any age to check whether a person carries the faulty genes that cause the condition.

"The discovery of thalassaemia among Sabah's newborns is higher compared to other states," said Dr Zulfalil, who is a lecturer at USM's Human Genome Centre.



Dr Zulfalil: Government intervention has reduced the prevalence of thalassaemia in Malaysia, through systematic screening of those in secondary school, among others.

However, he said that the incidence of those born in Sabah with thalassaemia from 2014 to 2018 is on the decline, following a government initiative to conduct mass screenings among secondary school students that also raised awareness of the condition, he said in his lecture at USM's Health Campus on equity in the management of thalassaemia through medical genomics.

In November last year, USM was conferred the Unesco Chair in Human Genetics on Thalassaemia, which is the first chair in human genetics awarded by Unesco.

The chair focuses on human genetics, with particular reference to thalassaemia. The project is led by Dr Zulfalil, who gave a special lecture on Monday to mark the occasion.

A key objective of the Unesco Chair on Thalassaemia is to promote knowledge and capacity-building in genetics among low- and middle-income countries (LMIC) by using thalassaemia as a model genetic disorder and to contribute to reducing the burden of the genetic disease.

The focus of this project is aligned with Sustainable Development Goal 3, which is to ensure health and

promote well-being for all, regardless of age.

Thalassaemia is one of the most common genetic diseases in LMIC, and without proper treatment, a person can face many complications, which could lead to early death.

Those with severe thalassaemia are prone to experience significant physical, mental and social distress.

"Countries like Cyprus and Singapore have managed to reduce the incidence of thalassaemia to the minimum through antenatal screening, public health programmes, and medical treatment.

"Malaysia has also started screening for thalassaemia among secondary school students aged 16 since 2016 to detect carriers of the thalassaemia genes.

"With the reduction in thalassaemia children born here, the nationwide screening programme can serve as a model for other countries fighting thalassaemia," he added.

USM has partnered with Universiti Kebangsaan Malaysia and the broader scientific community from 32 countries to set up the Global Globin Network (GGN) to combat thalassaemia by applying recent developments in genetics.

GGN is a platform for global collaboration in the sharing of knowledge, technical skills and capacity building to bridge the "genomic divide" between high-income countries and LMIC.